

17.2.6 PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM DAN KEMUDAHAN SOKONGAN

Sistem pengangkutan awam yang efisien amat penting bagi meningkatkan tahap kemudachsampaian ke sesuatu destinasi, selain dapat mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas dan mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan kenderaan persendirian. Secara khusus, kawasan kajian mempunyai komponen perkhidmatan pengangkutan awam yang agak baik terdiri daripada perkhidmatan bas, teksi dan juga rel (KTMB).

A. Perkhidmatan Bas

1) Bas Ekspres

Perkhidmatan bas ekspres adalah perkhidmatan yang membuat perjalanan terus-menerus dari satu destinasi ke destinasi yang lain. Hasil pemerhatian tapak mendapati pengusaha bas ekspres menggunakan dua lokasi sebagai hentian mengambil dan menurunkan penumpang iaitu di Terminal Bas Batu Gajah (Di Bandar Baru) dan Arked Mara di kawasan Pekan Batu Gajah.

Namun begitu, didapati kaunter fizikal di tapak beroperasi hanya dalam tempoh masa yang terhad, kebanyakan operator bas dan pengguna pula menerima dan membuat tempahan tiket secara atas talian.

Foto 17.6: Terminal Bas Sedia Ada di Bandar Baru Batu Gajah



Jadual 17.19: Senarai Perkhidmatan Bas Ekspres Melalui Batu Gajah

Bil.	Syarikat Bas	Tujuan / Destinasi	Tambang
1.	Arwana Ekspres	Kuala Lumpur – Batu Gajah Johor Bahru – Batu Gajah	RM30 RM82
2.	LA Holidays	Johor Bahru – Batu Gajah	RM85
3.	Sin Yong Ekspres	Johor Bahru – Batu Gajah	RM85
4.	Grassland Super Nice Express	Singapura – Batu Gajah	RM163 - RM166
5.	Sri Maju Group	Singapura – Batu Gajah	RM166 - RM174
6.	Plusliner	Kuala Lumpur – Batu Gajah	RM22

2) Bas Henti-henti

Perkhidmatan bas henti-henti menyediakan perkhidmatan antara bandar, pekan dan juga kawasan petempatan yang berdekatan. Perkhidmatan ini dapat membantu penduduk setempat untuk bergerak ke destinasi antara bandar dengan lebih mudah. Pengusaha Bas Perak Transit adalah pengendali bas henti-henti dengan APAD melalui program MyBAS No laluan T36 (SBST) dan 37 (ISBSF).

Foto 17.7: Perkhidmatan MyBas yang Dijalankan oleh Perak Transit




Jadual 17.21: Senarai Perkhidmatan Bas Henti-henti yang Melalui Kawasan Kajian

Bil.	No. Bas	Laluan	Skim
1.	T36	Stesen Bas Medan Kidd - Batu Gajah - Sri Iskandar	SBST
3.	37	Stesen Bas Medan Kidd - Hentian Bas Pejabat Penghulu Mukim Tg Tualang - SMK Convent	ISBSF

Sumber: APAD perak

Daripada penelitian awal, capaian laluan bas awam boleh ditingkatkan lagi dengan menambah / mewujudkan bas di kawasan BP4: Sungai Raya dan kawasan-kawasan perumahan utama dalam kawasan kajian.



Rajah 17.27: Pelan Laluan Bas Henti-henti Dan Lokasi Stesen Bas

PETUNJUK

- ▲ Stesen Bas
- Perhentian Bas
- Lakuan Bas T37
- Lakuan Bas T36
- Lebuhraya
- Jalan
- Rel
- Sungai
- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Kawasan Kajian
- Sempadan Blok Perancangan (BP)



Sumber: Kajian RT MDBG, Perak 2035 (Penggantian)

3) Terminal Bas

Pemerhatian di tapak mendapati bahawa Terminal Bas Batu Gajah sedia ada di Bandar Baru tidak beroperasi sepenuhnya. Kaunter pula hanya dibuka pada masa tertentu dan kebanyakan transaksi dibuat di atas talian.

Terdapat sebuah lagi terminal terletak di Taman Batu Gajah Transit. Pihak MDBG memaklumkan bahawa terminal akan diubah suai bagi tujuan lain (Perniagaan). Terminal ini tidak mendapat sambutan dari pengusaha bas kerana geometri laluan masuk dan keluar yang sempit.

Foto 17.8: Lokasi Dua Terminal Sedia Ada (A) Terminal Bas di Bandar Baru (B) Terminal di Taman Batu Gajah Transit



Analisis 'Vehicle Swept Path' yang dijalankan terhadap susun atur Terminal Batu Gajah Transit mendapati keadaan geometrik laluan masuknya agak terhad. Dua aspek yang mempengaruhi keadaan ini adalah:

- Segi darjah pusingan (*Turning Angle / Radius*)
- Kapasiti persimpangan bagi kenderaan keluar dan masuk pembangunan ini.





4) Hentian Bas

Terdapat sejumlah 31 lokasi hentian bas di dalam kawasan kajian. Kebanyakan hentian bas sedia ada di kawasan kajian masih boleh ditambah baik dengan pembaikan dan penyegaran semula dengan reka bentuk yang lebih kontemporari.

Jadual 17.22 menunjukkan inventori semasa hentian bas di dalam kawasan kajian. Binaan stesen bas tipikal adalah dengan kelebaran 3.0m dan 6.0m panjang.

Jadual 17.22: Senarai Pondok Bas Sedia Ada Batu Gajah

Bil.	Lokasi	Tahun Bina	Kuantiti
1	Jalan Pusing Taman Mewah	2000	1
2	Batu 1 Jalan Tg. Tualang	2000	1
3	Batu 1 Taman Sri Cahaya	2000	1
4	Jalan Pusing (BHP)	2000	1
5	Jalan Pusing (Stesen Keretapi Lama)	2000	1
6	Jalan Pusing (SYS)	2000	1
7	Pekan Batu Gajah	2000	1
8	SMK Tiwa	2000	2
9	Taman Saujana	2000	2
10	Kg Papan Baru	2003	1
11	Kg Seri Jaya	2003	2
12	Pengkalan Baru	2003	4
13	Pusing (Public Bank)	2003	1
14	RPA Pusing	2003	2
15	RPT Seri Rahmat	2003	1
16	Taman Puspa	2003	1
17	Taman Raia Damai	2005	2
18	Jalan Bota Tronoh	2005	1
19	Jalan Gopeng	2005	3
20	Kg Sindhu	2005	1
21	Taman Raia Mesra (Sindhu)	2005	1
22	Taman Seri Raia	2005	2
23	Desa Pelancongan	2015	2
24	Kg Pisang (Hadapan Rumah Lat)	2015	2
25	Pasar Batu Gajah	2015	1
26	Bandar Sri Pengkalan	2017	1
27	Jalan Gopeng (Berhampiran Tmn Raia Indah)	2017	1
28	KTM	2017	1
29	Papan	2017	1
30	Pusing(Berhampiran Masjid)	2017	1
31	Taman Pusing Perdana	2017	1

Sumber: Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Batu Gajah

Perhentian bas yang disediakan telah memberi liputan kepada kebanyakan lokasi dalam kawasan kajian. Tinjauan dan pemerhatian telah dilakukan bagi merekodkan keadaan semasa hentian bas sedia ada. Hasil penilaian tersebut diperincikan dalam **Jadual 17.23**.

Jadual 17.23: Gambaran Keadaan Semasa Perhentian Bas di Kawasan Kajian

Lokasi	Masalah / Kerosakan	Cadangan	Gambar Keadaan Semasa
Jalan Pusing Taman Mewah (Koordinat : 4.490483, 101.02791)	Struktur bumbung perlu diperbaiki	Penyegaran / reka bentuk semula	
Batu 1 Jalan Tg. Tualang (Koordinat : 4.449557, 101.041701)	Kebersihan / penjagaan rutin rumput	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian	
Batu 1 Taman Sri Cahaya (Koordinat : 4.4495, 101.0417)	Kebersihan / penjagaan rutin rumput	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian	
Jalan Pusing (BHP) (Koordinat : 4.4495, 101.0417)	Kebersihan / penjagaan rutin rumput	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian	
Jalan Pusing (Stesen Keretapi Lama) (Koordinat : 4.47484, 101.04192)	Penjagaan rumput dan keadaan sekitar	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian dan pengindahan lanskap di sekitar	

Sumber: Kajian RT MDBG, Perak 2035 (Pengantian)

Jadual 17.23: Gambaran Keadaan Semasa Perhentian Bas di Kawasan Kajian (Sambungan...)

Lokasi	Masalah / Kerosakan	Cadangan	Gambar Keadaan Semasa
Jalan Pusing (SYS) (Koordinat : 4.484761, 101.033517)	Kebersihan / penjagaan rutin rumput	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian	
Pekan Batu Gajah (Koordinat : 4.471464, 101.042363)	Kebersihan / kesinambungan laluan pejalan kaki ke / dari kawasan tumpuan	Cadangan sambungan laluan pejalan kaki berbumbung ke kawasan sekitar	
SMK TIWA (Koordinat : 4.46259, 101.043025)	Kebersihan / kesinambungan laluan pejalan kaki ke / dari kawasan tumpuan	Cadangan sambungan laluan pejalan kaki berbumbung ke sekolah	
Taman Saujana (Koordinat : 4.4913, 101.025443)	Kebersihan / penjagaan rutin rumput	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian Cadangan penyegaran / reka bentuk semula	
Kg Papan Baru (Koordinat : 4.504786, 101.015273)	Kebersihan / penjagaan rutin rumput	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian Cadangan penyegaran / reka bentuk semula	
Kg Seri Jaya (Koordinat : 4.474141, 101.062353)	Kebersihan / penjagaan rutin rumput	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian Cadangan penyegaran / reka bentuk semula	






Sumber: Kajian RT MDBG, Perak 2035 (Penggantian)

Jadual 17.23: Gambaran Keadaan Semasa Perhentian Bas di Kawasan Kajian (Sambungan...)

Lokasi	Masalah / Kerosakan	Cadangan	Gambar Keadaan Semasa
Pengkalan Baru (Koordinat : 4.494193, 101.121995)	Kebersihan / kesinambungan laluan pejalan kaki ke / dari kawasan tumpuan	Cadangan sambungan laluan pejalan kaki berbumbung ke sekolah	
Pusing (Public Bank) (Koordinat : 4.49269, 101.009591)	Kebersihan / kesinambungan laluan pejalan kaki ke / dari kawasan tumpuan	Cadangan sambungan laluan pejalan kaki berbumbung ke sekolah	
RPA Pusing (Koordinat : 4.480308, 101.003705)	Penjagaan rumput dan keadaan sekitar	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian dan pengindahan lanskap am di sekitar	
RPT Seri Rahmat (Koordinat : 4.478452, 101.069246)	Penjagaan rumput dan keadaan sekitar	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian dan pengindahan lanskap am di sekitar	
Taman Puspa (Koordinat : 4.504, 101.015)	Kebersihan / kesinambungan laluan pejalan kaki ke / dari kawasan tumpuan	Cadangan sambungan laluan pejalan kaki berbumbung ke kawasan sekitar	

Sumber: Kajian RT MDBG, Perak 2035 (Penggantian)

Jadual 17.23: Gambaran Keadaan Semasa Perhentian Bas di Kawasan Kajian (Sambungan...)

Lokasi	Masalah / Kerosakan	Cadangan	Gambar Keadaan Semasa
Taman Raia Damai (Koordinat : 4.487868, 101.106317)	Penjagaan rumput dan keadaan sekitar	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian dan pengindahan lanskap am di sekitar	
Jalan Bota Tronoh (Koordinat : 4.420388, 100.991865)	Hentian bas tanpa struktur berbumbung	Cadangan penyediaan struktur hentian bas dan sambungan ke pusat aktiviti berdekatan	
Jalan Gopeng (Koordinat : 4.472571, 101.071199)	Penjagaan rumput dan keadaan sekitar	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian dan pengindahan lanskap am di sekitar	
Kg Sindhu (Koordinat : 4.500441, 101.13629)	Keadaan struktur yang lama dan berkarat.	Penyegaran / reka bentuk semula	
Taman Raia Mesra (Sindhu) (Koordinat : 4.497611, 101.128313)	Keadaan struktur yang lama dan berkarat.	Penyegaran / reka bentuk semula	

Sumber: Kajian RT MDBG, Perak 2035 (Pengantian)

Jadual 17.23: Gambaran Keadaan Semasa Perhentian Bas di Kawasan Kajian (Sambungan...)

Lokasi	Masalah / Kerosakan	Cadangan	Gambar Keadaan Semasa
Taman Seri Raia (Koordinat : 4.510808, 101.140321)	Elemen keselamatan / rel pemegang / penghadang diperlukan	Penyegaran / reka bentuk semula	
Desa Pelancongan (Koordinat : 4.528827, 101.073192)	Penjagaan rumput dan keadaan sekitar	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian dan pengindahan lanskap am di sekitar	
Kg Pisang (Hadapan Rumah Lat) (Koordinat : 4.465525, 101.052354)	Saliran longkang perlu disenggara	Cadangan penyegaran struktur hentian bas dan jalan sambungan ke pusat aktiviti berdekatan	
Pasar Batu Gajah (Koordinat : 4.473879, 101.045382)	Keadaan struktur yang lama dan uzur	Penyegaran / reka bentuk semula	
Bandar Sri Pengkalan (Koordinat : 4.513037, 101.027801)	Penjagaan rumput dan keadaan sekitar	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian dan pengindahan lanskap am di sekitar	

Sumber: Kajian RT MDBG, Perak 2035 (Pengantian)

Jadual 17.23: Gambaran Keadaan Semasa Perhentian Bas di Kawasan Kajian (Sambungan...)

Lokasi	Masalah / Kerosakan	Cadangan	Gambar Keadaan Semasa
Jalan Gopeng (Berhampiran Tmn Raia Indah) (Koordinat : 4.49445, 101.121919)	Penjagaan rumput dan keadaan sekitar	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian dan pengindahan lanskap am di sekitar	
Stesen KTMB (Koordinat : 4.459805, 101.049973)	Kebersihan / kesinambungan laluan pejalan kaki ke / dari kawasan tumpuan	Cadangan sambungan laluan pejalan kaki ke Silverlake dan laluan masuk ke terminal keretapi.	
Papan (Koordinat : 4.506391, 101.016683)	Penjagaan rumput dan keadaan sekitar	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian dan pengindahan lanskap am di sekitar	
Pusing (Berhampiran Masjid) (Koordinat : 4.494263, 101.012497)	Penjagaan rumput dan keadaan sekitar	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian dan pengindahan lanskap am di sekitar	
Taman Pusing Perdana (Koordinat : 4.480308, 101.003705)	Penjagaan rumput dan keadaan sekitar	Cadangan kerja-kerja rutin berkala yang bersesuaian dan pengindahan lanskap am di sekitar	

Sumber: Kajian RT MDBG, Perak 2035 (Pengantian)

B. Perkhidmatan Kereta Sewa dan Teksi

Perkhidmatan Kereta Sewa/Teksi juga tersedia di dalam kawasan kajian. Berdasarkan maklumat daripada Persatuan Empunya dan Pemandu Kereta Sewa Daerah Batu Gajah, terdapat sebelas (11) buah kereta berdaftar dengan persatuan dan menawarkan perkhidmatan.

Lokasi hentian kereta sewa terletak di bawah jejambat Batu Gajah, dan dalam kondisi terbiar dan uzur. Senarai nombor pemilik kereta sewa juga disediakan untuk dihubungi.

Foto 17.9: Hentian Kereta Sewa di Bawah Jejambat Pekan Batu Gajah



C. Perkhidmatan E-hailing

Bagi perkhidmatan E-hailing, semakan melalui *apps* mendapati terdapat capaian dari beberapa penyedia perkhidmatan seperti Grab, AirAsia Ride, Maxim dan MyCar. Namun begitu, bilangan pemandu E-hailing di kawasan kajian adalah sedikit dibandingkan bandar-bandar besar lain, justeru pengguna perkhidmatan perlu menghadapi masa menunggu yang lebih lama, lebih-lebih lagi ketika puncak.

Foto 17.10: Promosi Grab Sewaktu Sambutan Ambang Tahun Baru 2024



Sumber: Laman Facebook Tourism Perak

D. Perkhidmatan Rel (KTMB)

Stesen Keretapi Batu Gajah menyediakan akses kepada perkhidmatan Laluan KTM Intercity (North South Line). Stesen dibina dengan satu Side Platform dan satu Island Platform. Kemudahan tempat letak kereta berbayar, tandas awam, mesin vendor dan pejabat khidmat pelanggan KTMB disediakan bagi pengguna perkhidmatan ini. Perkhidmatan sewa kereta atas talian Klezcar juga disediakan di stesen ini untuk memudahkan pengguna untuk pengalaman tempahan kereta yang pantas dan mudah.

Foto 17.11: Stesen Keretapi Batu Gajah



Foto 17.12: Klezcar di Stesen Keretapi



Buat masa ini, hanya perkhidmatan ETS tersedia di stesen keretapi ini. Perkhidmatan Komuter dari Kuala Lumpur berakhir di Stesen Tanjung Malim di sebelah Selatan, manakala Komuter Utara berakhir di Stesen Keretapi Ipoh.

Sesi libat urus yang telah diadakan sebelum ini mencatatkan banyak permintaan daripada wakil penduduk untuk menambah laluan komuter di antara kedua laluan tersebut, atau paling tidak disambungkan ke kawasan kajian.

Jadual 17.24: Maklumat 'Ridership' Tahun Semasa (2024) bagi Stesen Keretapi Ipoh, Batu Gajah dan Kampar

Stesen	2024 (Januari – September)
Batu Gajah	173,516
Ipoh (ETS)	816,815
Ipoh (Komuter)	452,622
Kampar	165,149

Sumber: Bahagian Perancangan KTMB

Daripada data di atas kita dapat melihat peratusan kepenggunaan komuter berbanding ETS adalah 55%. Potensi tarikan kepada kawasan kajian dapat dikembangkan dengan sambungan komuter ke Batu Gajah bagi memenuhi keperluan 'short and medium trip'.

